



**Pematuhan  
Kepada Akta  
Keselamatan  
&  
Kesihatan Pekerja  
(AKKP) 1994  
Dalam Sektor Awam**



**For further information:**  
**OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT OFFICE  
(OSHMO)**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**LEBUHRAYA TUN RAZAK**  
**26300 GAMBANG KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**  
**OFFICE : +609 - 549 2240 FAX : +609 - 549 2241**  
**E-MAIL : [oshmo@ump.edu.my](mailto:oshmo@ump.edu.my)**  
**WEBSITE : [www.oshmo.ump.my](http://www.oshmo.ump.my)**

OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH MANAGEMENT  
OFFICE (OSHMO)  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**DEVELOPING PEOPLE TOWARDS PROACTIVE  
SAFETY CULTURE**





## PENGENALAN

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ( Akta 514 ) telah dikuatkuasakan pada 25 Februari 1994 untuk mewujudkan satu persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat dengan:

- \* memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaannya;
- \* melindungi orang lain selain dari pekerjaannya di tempat kerja;
- \* menggalakkan persekitaran pekerjaan yang bersesuaian dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka dan
- \* mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Dengan pengwartaan akta tersebut, ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan arahan surat Pekeliling bertarikh 20hb Ogos 2004 (nombor rujukan UTPM159/267/5031t4 (46) yang mewajibkan sektor perkhidmatan awam, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan mematuhi.

## SIAPA YANG PERLU MEMATUHI

Adalah menjadi tanggungjawab sebagai Majikan atau Ketua Pejabat dan pekerja - pekerjaannya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah terjamin dan terhindar dari berlakunya kemalangan dan penyakit pekerjaan



## PEMATUHAN SEBAGAI MAJIKAN

Setakat yang munasabah sebagai Majikan / Ketua Jabatan hendaklah :

- \* menyediakan Polisi Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja secara bertulis ( Safety and Health Policy ) :
- \* menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan sekiranya mempunyai 40 atau lebih orang di tempat kerja :
- \* mengadakan maklumat arahan, latihan dan penyeliaan terhadap pekerjaannya;
- \* mengadakan dan menyelenggara tempat kerja dalam keadaan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- \* memastikan bahawa pekerjaannya dan orang lain selamat dan sihat semasa berada di tempat kerjanya dan
- \* melaporkan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan semasa bekerja.

## PEMATUHAN SEBAGAI PEKERJA

- \* Bertanggungjawab dan memberikan perhatian semasa bekerja bagi mengelakkan kecederaan bagi dirinya dan orang lain semasa bekerja;
- \* Bekerjasama dengan majikan atau orang lain dalam memenuhi kehendak perundangan;
- \* menggunakan apa-apa yang disediakan ( seperti kelengkapan perlindungan diri atau peralatan keselamatan demi melindungi keselamatan dan kesihatan mereka; dan
- \* mematuhi arahan atau kawalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikan atau orang lain di tempat kerja.

# PERUNDANGAN DAN GARISPANDUAN KKP

Akta dan Peraturan :

- 1 . Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- 2 . Peraturan KKP (Pernyataan Dasar Am KKP Majikan (Pengecualian) 1996;
- 3 . Peraturan KKP (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996;
- 4 . Peraturan KKP (Pemberitahuan Kemalangan Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan);
- 5 . Peraturan KKP (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada kesihatan) 2000

Garis panduan dan Kod Amalan

Untuk mendapatkan senarai garis panduan dan kod amalan yang dikeluarkan oleh jabatan, sila layari di laman web berikut :

<http://www.dosh.gov.my>

## TIPS UNTUK ANDA

- 1 . Sebelum melakukan pekerjaan pastikan maklumat , latihan mengenai pekerjaan yang akan dibuat disediakan gunakan peralatan yang berkeadaan baik lakukan kerja mengikut prosedur selamat yang ditetapkan
- 2 . Kemalangan, keadaan merbahaya yang wujud di tempat kerja hendaklah dilaporkan kepada majikan.
- 3 . Jika terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan dengan pejabat JKPP negeri yang berdekatan.

